



"ISLAM AGAMA KEDAMAIAN".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ فَمَن يَكُفِرُ بِالظَّغْوَتِ وَيُؤْمِنُ! بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَى لَا أَنْفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ أَعْلَمُ

سَمِيعٌ عَلِيمٌ
1 ٢٥١

2

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

3

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! إِتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ

4

الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا إِتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تُمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Bersempena hari Jumaat yang mulia ini, saya ingin berpesan kepada diri saya dan Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT memberkati kehidupan kita ini dengan nikmat, taufik dan hidayah yang berpanjangan serta beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

5

Pada hari ini, khatib ingin mengajak sidang Jumaat sekalian agar sama-sama menghayati khutbah yang bertajuk "**ISLAM AGAMA KEDAMAIAN**".

6

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Sesungguhnya Islam cintakan kedamaian dan bencikan keganasan. Islam yang bererti damai, selamat, sejahtera, penyerahan diri, taat dan patuh adalah agama yang membawa kedamaian, keselamatan dan kesejahteraan kepada kehidupan semua makhluk.

7

Kini Islam berada dikandang tertuduh, difitnah sebagai agama yang mencetus keganasan dan huru-hara. Mengapa dituduh sebegitu rupa?

8

¹ al-Baqarah : 256.



<p>Sesungguhnya, tuduhan buruk dan jahat yang dilabelkan terhadap agama Islam bukanlah suatu perkara yang baru. Semenjak zaman awal dakwah Islam lagi Nabi SAW telah dilabel oleh orang yang membenci baginda dengan pelbagai gelaran seperti gila, ahli sihir, pemecah-belah masyarakat dan lain-lain lagi. Tuduhan dan penghinaan yang dilemparkan tidak lain tidak bukan adalah bertujuan untuk melemahkan semangat juang nabi dan juga para sahabat dalam melaksanakan dan menyampaikan dakwah Islam kepada seluruh manusia. Berkat kesabaran nabi SAW dan para sahabat dalam menghadapi tohongan dan penghinaan tersebut, akhirnya kemenangan berpihak kepada mereka sehingga Islam tersebar luas ke seluruh dunia.</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p>	9
<p>Hakikatnya, Islam ialah agama yang amat membenci keganasan dan kezaliman. Islam memerintahkan umatnya berkasih sayang sesama makhluk di atas muka bumi ini dan meletakkan kedamaian dan kesejahteraan sebagai asas dalam kehidupan. Diantara bukti bahawa Islam membenci keganasan ialah:</p>	10
<p>Islam membenci seseorang yang sengaja membunuh orang beriman yang lain</p>	11
<p>Firman Allah SWT dalam surah An-Nisa, ayat 93:</p> <p style="text-align: center;">وَمَنْ يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُّتَعَمِّدًا فَجَزَاؤُهُ جَهَنَّمُ خَلَدًا فِيهَا وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِ <p style="text-align: center;">وَلَعْنَهُ، وَأَعَدَ لَهُ عَذَابًا عَظِيمًا</p></p>	12
<p>"Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka jahanam, kekal ia di dalamnya, dan Allah murka kepadanya, dan melaknatkannya serta menyediakan baginya azab seksa yang besar."</p>	13
<p>Allah SWT memerintahkan kita agar bertindak secara adil terhadap semua manusia tanpa mengira sama ada mereka beriman atau kafir selagi mana mereka tidak bertindak mencemari dan memerangi agama Islam</p>	14



Firman Allah SWT dalam surah Al-Maidah ayat 8:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا كُونُوا قَوْمًا مِيرَكَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقَسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ
شَنَآنُ قَوْمٍ عَلَى أَلَا تَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ
خَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

15

"Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa ju) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. dan bertakwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan."

16

Rasulullah SAW melarang kita membunuh manusia dan haiwan tanpa hak.

17

Bahkan, perbuatan tersebut akan dipertanggungjawabkan nanti di akhirat.

Ini dinyatakan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Amru Radhiallahu Anhuma Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

18

"Sesiapa dari kalangan manusia yang membunuh seekor burung atau yang lebih kecil tanpa haknya, maka Allah akan meminta dia bertanggungjawab kelak di akhirat. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, apa haknya? Rasulullah menjawab: Disembelih lalu dimakan, dan janganlah seseorang memotong kepalanya (membunuhnya) lalu dibuang."

(Riwayat An-Nasa'i).

Dalam sejarah kegemilangan Islam di zaman Nabi SAW dan diteruskan pula oleh para khalifah Islam telah menjadi bukti yang nyata bahawa Islam datang kepada manusia dalam keadaan damai dan menolak sebarang unsur keganasan.

19

Sebagai contoh, dalam peristiwa Pembebasan Kota Makkah (Fathul Makkah) tidak berlaku pertumpahan darah di kalangan orang Islam dan penduduk Makkah. Bahkan, nabi SAW dan sahabat Radhiallahu Anhum menunjukkan akhlak yang mulia terhadap kaum musyrikin Makkah walaupun dahulu mereka pernah menyeksa dan menghina baginda dan para sahabat. Akhlak yang begitu indah ini menyebabkan mereka memeluk Islam secara beramai-ramai.

20



<p>Begitu juga ketika tentera Islam berjaya menguasai Kota Konstantinopel, penduduk Konstantinopel yang beragama kristian berserta para pendeta berkumpul ketakutan kerana menyangkakan mereka akan dibunuh atau ditindas secara zalim. Akan tetapi sebaliknya Sultan Muhammad Al-Fateh menunjukkan keadilan islam dengan menitahkan agar mereka semua pulang ke rumah seperti biasa dengan aman. Bahkan, baginda juga menjamin kebebasan kepada mereka untuk mengamalkan kepercayaan mereka. Melihat betapa mulianya akhlak Sultan Muhammad Al Fateh, penganut Kristian termasuk beberapa pendeta telah memeluk Islam secara beramai-ramai. Bahkan hakikatnya, masyarakat kristian telah mendapat manfaat dan keamanan yang lebih baik di era khilafah Uthmaniah berbanding zaman pemerintahan Kerajaan Rom.</p>	21
<p>Banyak lagi contoh-contoh ketinggian tamadun Islam yang ditunjukkan di dalam lipatan sejarah kegemilangan Islam di seluruh dunia termasuk di Nusantara ini yang meletakkan kedamaian dan kesejahteraan sebagai batu asas kepada kejayaan Islam.</p>	22
<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,</p>	
<p>Malaysia adalah sebagai sebuah Negara contoh yang memperjuangkan kedamaian dengan menjunjung Islam sebagai agama persekutuan disamping memberi kebebasan bagi agama lain untuk diamalkan. Oleh sebab itu semua pihak wajiblah saling hormat menghormati antara satu dengan yang lain tanpa mencetuskan prasangka dalam konteks kehidupan beragama di Malaysia. Bahkan nikmat kedamaian yang dikecapi selama ini sewajarnya disyukuri dan dihargai oleh semua pihak.</p>	23
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p>	
<p>Mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru dan mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan sebagai pedoman hidup kita:</p>	
<ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa Islam adalah agama fitrah yang menjunjung kedamaian sejagat.2. Umat Islam hendaklah berperanan sebagai da'i untuk menyebarluaskan dakwah Islam serta menonjolkan kedamaianya kepada semua manusia.3. Umat Islam diperintahkan supaya berlaku adil dan saksama terhadap semua manusia walaupun terhadap orang yang tidak beriman selagi mereka tidak bertindak memerangi, memusuhi atau menghina agama Islam.	24



<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ إِنَّمَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُمْ مِن دِيرِكُمْ وَظَاهِرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَن تَوَلَّهُمْ وَمَن يَتَوَلَّهُمْ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ</p>	25
<p>"Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim."</p> <p style="text-align: right;">(al-Mumtahanah : 9).</p>	26
<p style="text-align: center;">بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرُ الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	27
<p style="text-align: center;">أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	28



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ۔</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَيْ يَوْمِ الْدِينِ。أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ۔</p>	2
<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</p> <p>Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhhlak dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:</p>	3
<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَلَّهُ إِلَيْهِ الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا۔</p>	4
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الرُّسُلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ۔</p>	5
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ。اللَّهُمَّ أَعِرِّ إِلَاسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكَيْنَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ。وَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ۔</p>	6
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنِيَّتِكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى آنْتَ حَفَظَ بِعِينِ عِنَائِيْكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحَفْظِ وَقَائِيْكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّ جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سَلاَغُورِ،</p>	7
<p>سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ。اللَّهُمَّ أَدِمْ الْعَوْنَ وَالْهَدَىيَّةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلاَغُورِ، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ</p>	8



9	<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرِيمَكَ يَا ذَالْجَلَلِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىٰ وَالرَّشَادِ。</p>
10	<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>
11	<p>Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>
12	<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>
13	<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً。رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ</p>
14	<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ</p>
15	<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>